
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**HIU 122 – PERLUASAN 'AQIDAH ISLAMIYYAH: KONSEP DAN
PENGHAYATAN**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Akidah Islam yang diturunkan untuk membimbing manusia kepada kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Berdasarkan kenyataan ini, jawab semua soalan berikut:
 - [a] Huraikan dengan terperinci maksud akidah dan Islam. [40 markah]
 - [b] Jelaskan maksud agama Samawi dan agama Ciptaan dan berikan DUA perbezaan antara kedua-duanya. [30 markah]
 - [c] Huraikan TIGA metodologi al-Qur'an berkenaan akidah. [30 markah]

2. Beriman kepada Allah adalah sebahagian daripada rukun Iman. Berdasarkan kenyataan ini, jawab semua soalan berikut:
 - [a] Jelaskan definisi **Ilah** (إله) dan **Rabb** (رب) [20 markah]
 - [b] Huraikan dengan terperinci maksud beriman kepada Allah. [40 markah]
 - [c] Huraikan bukti-bukti kewujudan Allah berdasarkan dalil naqli dan aqli. [40 markah]

3. Ihsan merupakan asas kepatuhan manusia kepada Allah S.W.T. dan memberi pengaruh yang besar kepada kehidupan individu mukmin. Berdasarkan kenyataan ini, jawab semua soalan berikut:
 - [a] Jelaskan dengan terperinci maksud ihsan dari segi bahasa dan istilah. [20 markah]
 - [b] Berikan hujah-hujah anda dengan disertakan dalil-dalil naqli yang menjelaskan bahawa ihsan adalah puncak kesempurnaan iman kepada Allah S.W.T. [40 markah]
 - [c] Huraikan DUA tingkat ihsan menurut pandangan ulama akidah. [40 markah]

4. Pada akhir zaman sahabat perbincangan tentang akidah telah berkembang kepada beberapa bentuk pemikiran yang tertentu dan ia kemudiannya membentuk beberapa mazhab dalam akidah. Berdasarkan kenyataan ini, jawab semua soalan di bawah:
- [a] Huraikan TIGA prinsip akidah yang dipegang oleh golongan *Mu'tazilah*. [30 markah]
 - [b] Huraikan TIGA daripada perkara-perkara dasar yang telah disepakati oleh para ulama *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tentang akidah Islam. [30 markah]
 - [c] Jelaskan definisi *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* serta bincangkan TIGA kelompok *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* menurut pembahagian yang diberikan oleh Abu Mansur al-Baghdadi (m. 629 H) [40 markah]
5. Amalan khurafat dan syirik merupakan amalan yang boleh membatalkan iman dan Islam seseorang Muslim. Berdasarkan kenyataan ini, jawab semua soalan berikut:
- [a] Berikan maksud khurafat dan jelaskan DUA sebab kenapa Islam melarang umatnya mempercayai khurafat. [30 markah]
 - [b] Huraikan TIGA bahaya syirik kepada 'aqidah umat Islam. [30 markah]
 - [c] Jelaskan dengan terperinci kategori syirik dengan disertakan dalil naqli bagi setiap kategori. [40 markah]
6. Huraikan konsep-konsep berikut dalam Islam:
- [a] *Tabarruk* [20 markah]
 - [b] *Wala'* [20 markah]
 - [c] *Karamah* [20 markah]
 - [d] *Khatam al-Nubuwwa* [20 markah]
 - [e] *Tawassul* [20 markah]